

27) RUMAH SELANGORKU / RUMAH MAMPU MILIK DI BATANG KALI HULU SELANGOR

Adun : Y.B. Tuan Muhaimin Harith Bin Abdullah Sani (Batang Kali)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) **Berapakah jumlah permohonan Rumah Selangorku atau rumah mampu milik yang dipohon oleh rakyat Negeri Selangor dan berapakah jumlah rumah yang berjaya diberikan kepada pemohon pada tahun 2023, 2024 dan 2025?**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor jumlah permohonan Rumah Selangorku dan jumlah pembeli yang menerima tawaran Rumah Selangorku pada tahun 2023, 2024 dan 2025 adalah seperti berikut:-

STATISTIK	PERMOHONAN	TERIMA TAWARAN
2023	14,304	10,888
2024	13,367	11,803
2025	23,302	5,550
JUMLAH KESELURUHAN	50,973	28,241

- b) **Apakah data terperinci jumlah Rumah Selangorku atau mampu milik yang di bina dan nama pemaju atau pihak yang bertanggungjawab membina rumah-rumah tersebut di kawasan Hulu Selangor mengikut DUN Batang Kali, Kuala Kubu Bharu dan Hulu Bernam pada tahun 2024 dan 2025 serta yang akan atau dalam proses pembinaan sehingga tahun 2027?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2025, terdapat **4 projek** dengan **1,864 unit** RSKU yang sedang dalam peringkat pembinaan di DUN Batang Kali dan DUN Hulu Bernam. Perincian adalah seperti berikut :-

BIL.	PEMAJU	DUN	LOKASI	BILANGAN UNIT RSKU	TAHUN SIAP
1.	Medan Prestasi Sdn. Bhd.	Batang Kali	Fasa 3A, Taman Bunga Raya, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor.	101 unit	2025
2.	Medan Prestasi Sdn. Bhd.	Batang Kali	Fasa 3B, Taman Bunga Raya, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor.	114 unit	2026
3.	Blossom Eastland Sdn. Bhd.	Hulu Bernam	Fasa 1A, Lagenda Ardea, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor.	831 unit	2027
4.	Blossom Eastland Sdn. Bhd.	Hulu Bernam	Fasa 2, Lagenda Ardea, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor.	818 unit	2027
JUMLAH				1,864 UNIT	

